

GARIS PANDUAN

PENGGUNAAN KENDERAAN

“Gerak Lestari, Kampus Harmoni”

*“Ke Arah Kampus
Rendah Karbon”*



HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang atau mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan garis panduan ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa kebenaran daripada penerbit.



PRAKATA

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Garis Panduan Penggunaan Kenderaan dalam Kampus ini dapat diterbitkan dalam edisi yang lebih baik dan diperkemas. Edisi ini merupakan penambahbaikan menyeluruh yang dirangka bagi memastikan pengurusan pergerakan kenderaan di dalam kampus dilaksanakan secara lebih sistematik, selamat dan berkesan.



Edisi ini dibangunkan sebagai satu dokumen yang komprehensif dan menyeluruh, merangkumi pelbagai aspek penting khususnya dari segi keselamatan pengguna, keseragaman amalan selaras dengan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) serta sokongan terhadap inisiatif kelestarian kampus. Penekanan diberikan kepada pematuhan peraturan, disiplin pengguna serta pengurusan trafik yang terancang bagi mewujudkan persekitaran kampus yang teratur, kondusif dan harmoni.

Adalah menjadi harapan agar edisi ini dapat dijadikan rujukan utama oleh semua warga kampus dan pihak berkepentingan dalam memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. Kerjasama dan komitmen semua pihak amatlah penting dalam merealisasikan persekitaran kampus yang selamat, tersusun dan lestari.

Sekian, terima kasih.

“Gerak Lestari, Kampus Harmoni”

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'ZAMRE' with a stylized flourish.

Gs. Mohd Zamre bin Abd Rahman
Pengarah
Politeknik Jeli Kelantan

KANDUNGAN

»»	PENGENALAN	01	• • •
»»	OBJEKTIF	02	• • •
»»	KENDERAAN PERSENDIRIAN	03	• • •
»»	KENDERAAN PELAWAT DAN AWAM	04	• • •
»»	AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF	05	• • •
»»	SOKONGAN INFRASTRUKTUR	06	• • •
»»	PELAKSANAAN	07	• • •
»»	KESIMPULAN	08	• • •

PENGENALAN



Garis Panduan Penggunaan Kenderaan (Edisi 2) ini disediakan sebagai rujukan rasmi bagi mengawal selia pergerakan, penggunaan serta pengurusan kenderaan di dalam kawasan Politeknik Jeli, Kelantan. Penyediaan garis panduan ini adalah selaras dengan usaha institusi dalam mewujudkan persekitaran kampus yang selamat, tersusun dan kondusif untuk semua warga kampus.

Seiring dengan peningkatan jumlah kenderaan serta kepelbagaian pengguna kampus yang terdiri daripada pelajar, staf, pelawat dan pihak berkepentingan lain, keperluan terhadap satu garis panduan yang jelas dan komprehensif menjadi semakin penting. Justeru, dokumen ini dibangunkan bagi memastikan setiap pengguna memahami peraturan, tanggungjawab serta etika penggunaan kenderaan dengan lebih teratur dan berdisiplin.

Selain itu, garis panduan ini turut menyokong pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) melalui penyeragaman amalan, pematuhan kepada peraturan serta pengurusan ruang yang lebih sistematik. Penekanan juga diberikan kepada aspek keselamatan jalan raya dalam kampus, termasuk kawalan kelajuan, pengurusan parkir serta keutamaan kepada pejalan kaki.

Adalah diharapkan agar garis panduan ini dapat dijadikan panduan utama oleh semua warga kampus dalam memastikan penggunaan kenderaan yang lebih selamat, berhemah dan teratur, seterusnya menyumbang kepada persekitaran kampus yang harmoni dan lestari.

OBJEKTIF

Garis panduan penggunaan kenderaan dalam Politeknik Jeli bagi pengurangan karbon ini disediakan dengan beberapa objektif utama, iaitu:

OBJEKTIF 1



Mengurangkan pelepasan karbon melalui kawalan penggunaan kenderaan di dalam dan sekitar kampus.

OBJEKTIF 2



Menggalakkan amalan mobiliti hijau seperti berjalan kaki, berbasikal, berkongsi kenderaan (carpool), serta penggunaan pengangkutan awam dan elektrik.

OBJEKTIF 3



Meningkatkan kesedaran warga kampus mengenai kepentingan menjaga alam sekitar melalui gaya hidup rendah karbon.

OBJEKTIF 4



Menyokong agenda nasional dan global ke arah pembangunan mampan serta pencapaian Sustainable Development Goals (SDG).

OBJEKTIF 5



Mewujudkan persekitaran kampus yang lestari, sihat dan kondusif untuk semua warga Politeknik Jeli Kelantan.

KENDERAAN PERSENDIRIAN STAF DAN PELAJAR



Kongsi kenderaan (carpooling) digalakkan bagi staf.

Mengehadkan penggunaan kenderaan: Pelajar tidak dibenarkan membawa kenderaan dalam kawasan kampus.

Kawasan parkir dihadkan bagi mengurangkan kesesakan dan pergerakan tidak perlu.

Larangan enjin hidup (idling) ketika menunggu lama.

Penyelenggaraan berkala – tayar, minyak enjin, dan sistem ekzos diperiksa supaya pembakaran bahan api lebih efisien.



Galakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga / EEV.



KENDERAAN PELAWAT DAN AWAM



Hadkan kemasukan kereta pelawat – sediakan tempat letak kereta khas di pintu masuk utama.

Galakkan pelawat untuk berkongsi kenderaan jika datang berkumpulan.

Galakkan pelajar menggunakan pengangkutan awam untuk balik kampung halaman.

Wujudkan perkhidmatan bas/van ketika musim cuti semester untuk pergerakan dari asrama ke stesen bas.

Galakkan penggunaan basikal dan e-scooter di dalam kampus.

Wujudkan laluan pejalan kaki berbumbung dan mesra alam untuk menggalakkan berjalan kaki.



AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF



Dilarang meletak kenderaan sesuka hati di kawasan kampus sehingga menghalang laluan, atau menjejaskan keselamatan pengguna lain.

Semua kenderaan hendaklah diparkir secara mengundur bagi meningkatkan keselamatan, memudahkan pergerakan keluar, selaras dengan amalan ekosistem kondusif.

Pemandu harus sentiasa memakai tali pinggang keledar dan dilarang membunyikan hon tanpa sebab.

Had laju dalam kawasan kampus adalah 30 km/j.



SOKONGAN INFRASTRUKTUR



- ✔ Ruang parkir khas untuk carpooling dan kendaraan rendah karbon.
- ✔ Usaha untuk menyediakan stesen pengecas EV di kampus.



- ✔ Tempat parkir dan laluan khas untuk basikal/e-scooter.
- ✔ Kemudahan penyelenggaraan basikal



PELAKSANAAN



We focus on results, clear communication, and strategies that match your goals.



Penubuhan Jawatan Kuasa smartgreen untuk menyelia pelaksanaan.



Kempen kesedaran seperti “carpooling campaign”.



kemudahan parkir bagi pelajar/staf yang menggunakan basikal, e-scooter, atau carpooling.



Penguatkuasaan larangan idling dan had kemasukan kenderaan pelawat.



KESIMPULAN



Garis panduan ini merupakan komitmen Politeknik Jeli Kelantan dalam menyahut cabaran global perubahan iklim melalui pengurusan penggunaan kenderaan yang lebih cekap, lestari, dan berkesan. Setiap warga kampus, sama ada staf, pelajar mahupun pelawat, memainkan peranan penting dalam menjayakan usaha pengurangan karbon dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan amalan pengangkutan hijau bukan sahaja menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon, malah meningkatkan kualiti udara, mengurangkan kesesakan lalu lintas, menjimatkan kos, serta mewujudkan persekitaran kampus yang lebih selesa dan kondusif.

Dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, Politeknik Jeli beraspirasi untuk menjadi sebuah institusi pendidikan yang progresif dalam memupuk kesedaran alam sekitar dan menjadi contoh kepada kampus-kampus lain.



Marilah kita bersama-sama berganding bahu menjadikan mobiliti hijau sebagai budaya harian demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

“Gerak Lestari, Kampus Harmoni”





2026



+609-9443600

www.pjk.edu.my

Jalan Raya Timur-Barat,
17600 Jeli

